

SOALAN NO: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 9 JUN 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap syarikat yang melanggar perjanjian bersama dan jumlah tindakan tersebut diambil dari tahun 2014 sehingga 1 April 2015.

PR-1332-L69084

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

1. Perjanjian bersama (perjanjian kolektif) merupakan sebuah perjanjian bertulis yang dicapai di antara majikan dan kesatuan sekerja yang mengandungi terma dan syarat-syarat pekerjaan yang telah dipersetujui. Sesuatu perjanjian bersama yang telah diiktiraf oleh Mahkamah Perusahaan akan terpakai dan mengikat kedua belah pihak (majikan dan kesatuan sekerja).

2. Pihak pekerja atau kesatuan sekerja juga boleh menfailkan aduan terhadap syarikat yang melanggar perjanjian bersama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan telah diiktiraf oleh Mahkamah Perusahaan, selaras dengan peruntukan Seksyen 56(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967). Mana-mana orang yang gagal mematuhi perintah mahkamah di bawah seksyen 56(2) APP 1967 adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM 2,000.00) atau dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya, dan denda tambahan sebanyak lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Dari tahun 2014 hingga April 2015 terdapat sebanyak 23 aduan berkaitan pelanggaran perjanjian bersama terhadap pihak majikan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 award telah diturunkan dan majikan diarahkan untuk mematuhi perjanjian bersama tersebut.